

**'MOCK-DOCUMENTARY' SEBAGAI
ALTERNATIF DALAM PENERBITAN
FILEM DI MALAYSIA**

KHAZATULZIHAN BTE. KALIP@KHALID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**‘MOCK-DOCUMENTARY’ SEBAGAI
ALTERNATIF DALAM PENERBITAN
FILEM DI MALAYSIA**

oleh

KHAZATULZIHAN BTE. KALIP@KHALID

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)**

Okttober 2016

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah (S.W.T) kerana atas limpah kurniaan-Nya saya dapat melengkapkan Tesis Sarjana ini dengan izin-Nya. Terlebih dahulu, ribuan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Rohani binti Hashim selaku Penyelia di atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau dalam menyempurnakan Tesis Sarjana ini. Paling istimewa buat suami Abu Bakar bin Ghani dan anak-anakku Nurin Afiqah binti Abu Bakar dan Nurina Rania binti Abu Bakar yang sentiasa menjadi pendorong kuat untuk meneruskan perjuangan bagi melengkapkan kajian ini. Semoga Allah sentiasa merahmati hidup kita semua.

Khazatulzihan Khalid

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Abstrak	vii
Abstract	ix

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1	Definisi ' <i>mock-documentary</i> '	1
1.2	Dokumentari di Malaysia	7
1.3	Penyataan masalah	10
1.4	Objektif kajian	18
1.5	Persoalan kajian	18
1.6	Teori dan konsep	20
1.6.1	Teori realisme	20
1.6.2	' <i>Cinema verite</i> '	24
1.6.3	' <i>Cinematic self-reflexivity</i> '	26
1.6.4	Teori komedi	28
1.6.5	Parodi	31
1.6.6	Satira	34
1.7	Kategori ' <i>mock-documentary</i> ' dan jenis-jenis dokumentari	36
1.7.1	Kategori ' <i>mock-documentary</i> '	36
1.7.2	Jenis-jenis dokumentari	40
1.8	Rumusan mengenai hubungan dokumentari dan ' <i>mock-documentary</i> '	45
1.9	Kepentingan kajian	46

1.10	Skop dan batasan kajian	48
1.11	Sorotan kajian	49
1.12	Sejarah ringkas perkembangan konsep ‘ <i>mock-documentary</i> ’	51
1.13	Metodologi atau rekabentuk kajian	52

BAB 2 - SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan: Ulasan 4 artikel yang berkaitan dengan ‘ <i>mock-documentary</i> ’	54
2.1.1	Artikel pertama: ‘Mokumentaries have long history’	56
2.1.2	Artikel kedua: ‘Mockumentary – Questioning reality and the tenets of documentary film itself’	63
2.1.3	Artikel ketiga: ‘The truth about No Lies (if you can believe it)’	69
2.1.4	Artikel keempat: ‘Artifice and Artificiality in Mockumentaries’	74
2.2	Rujukan utama: ‘Faking it: Mock-documentary and the subversion of factuality’	79
2.3	Ulasan mengenai kekuatan kajian oleh penyelidik	83

BAB 3 - KAEADAH KAJIAN

3.1	Pendahuluan	85
3.2	Kaedah kualitatif	85
3.3	Kaedah analisis kandungan	87
3.3.1	Unit analisis kandungan	89
3.3.2	Sampel unit analisis kandungan	93
3.4	Pemboleh ubah	95
3.4.1	‘ <i>Mise-en-scene</i> ’	96
3.4.2	Konvensyen dari segi teknikal penggambaran	98

3.5	Kaedah temuramah	104
3.5.1	Temuramah separa struktur	106
3.5.2	Temuramah yang berfokus	106
3.5.3	Temuramah secara mendalam	107
3.6	Kesimpulan	107

BAB 4 - ANALISIS KANDUNGAN

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Filem atau siri yang terpilih	110
4.3	Hujahan untuk filem ' <i>The Big Durian</i> ' (2003)	118
4.4	Sinopsis: ' <i>The Big Durian</i> ' (2003)	119
4.4.1	Biodata pengarah: ' <i>The Big Durian</i> ' (2003)	121
4.5	Analisis kandungan: ' <i>The Big Durian</i> ' (2003)	122
4.5.1	Penyataan hujahan pertama	122
4.5.2	Penyataan hujahan kedua	136
4.6	Hujahan untuk filem ' <i>An afternoon with the Hijabed</i> ' (2005)	142
4.7	Sinopsis: ' <i>An afternoon with the Hijabed</i> ' (2005)	142
4.7.1	Biodata pengarah: ' <i>An Afternoon with the Hijabed</i> ' (2005)	144
4.8	Analisis kandungan: ' <i>An Afternoon with the Hijabed</i> ' (2005)	144
4.8.1	Penyataan hujahan pertama	145
4.8.2	Penyataan hujahan kedua	154
4.9	Hujahan untuk siri ' <i>Malaysiantalents.com</i> ' (2008)	166
4.10	Sinopsis: ' <i>Malaysiantalents.com</i> ' (2008)	167
4.10.1	Biodata pengarah: ' <i>Malaysiantalents.com</i> ' (2008)	168
4.11	Analisis kandungan ' <i>Malaysiantalents.com</i> ' (2008)	169

4.11.1	Penyataan hujahan pertama	169
4.11.2	Penyataan hujahan kedua	177
4.12	Kesimpulan bagi ketiga-tiga filem yang dikaji	188

BAB 5 - PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Ringkasan	193
5.2	Rumusan soalan kajian pertama	196
5.3	Rumusan soalan kajian kedua	202
5.4	Limitasi kajian	205
5.5	Hala tuju dan cadangan kajian	206
5.6	Kesimpulan	206

RUJUKAN	208-214
----------------	---------

LAMPIRAN	A-U2
-----------------	------

‘MOCK-DOCUMENTARY’ SEBAGAI ALTERNATIF DALAM PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini memperlihatkan satu genre dalam pembikinan filem kontemporari Malaysia iaitu ‘*mock-documentary*’. Kajian ini juga menjejaki perkembangan ‘*mock-documentary*’ di Malaysia. Filem-filem terpilih adalah daripada filem pengarah muda dalam tahun 2003 hingga 2015. Kajian dijalankan ke atas filem yang diyakini menggunakan elemen yang biasa diguna pakai di dalam penerbitan ‘*mock-documentary*’. Pilihan sampel pula merangkumi ‘*mock-documentary*’ yang dihasilkan berdurasi panjang dan juga siri pendek. Analisis adalah berdasarkan ciri-ciri ‘*mock-documentary*'; bentuk, stail, teknik, pendekatan, bajet, naratif dan genre. Metodologi kajian pula menjurus kepada kaedah kualitatif yang merangkumi analisis kandungan dan juga temuramah. Temuramah yang dijalankan adalah melibatkan para pengarah yang menghasilkan ‘*mock-documentary*’ tersebut, temuramah bersama wakil FINAS, pengkritik filem serta mereka yang terlibat di dalam penerbitan filem fiksyen dan bukan fiksyen. Konsep ‘*mock-documentary*’ juga dikupas. Kedudukannya di antara fiksyen dan bukan fiksyen juga dipertikaikan kerana struktur formatnya adalah seperti dokumentari yang dilabel sebagai bukan fiksyen tetapi kandungan teksnya adalah fiksyen. Kajian juga menghujahkan tentang kebenaran genre ‘*mock-documentary*’ ini daripada segi realisme kerana ‘*mock-documentary*’ mengandungi elemen bukan realiti. Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan, ia mampu memberi ruang alternatif di dalam penerbitan filem di Malaysia dan tidak bergantung kepada filem bersifat komersial sahaja. Filem

seharusnya mampu mendidik minda penonton supaya berfikir secara kritis dan mendapat ilmu dan bukan sekadar hiburan sahaja. '*Mock-documentary*' juga diharapkan membuka ruang kepada penerbitan supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan sistem imej penjanaan komputer yang kian menjadi trend di dalam industri perfileman di Malaysia tetapi menghasilkan filem berkualiti dari segi naratif. Kajian ini juga diharapkan menjadi rujukan kepada pihak penerbitan perfileman di Malaysia dan sebagai membuka ruang kreativiti pengkaryaan.

MOCK-DOCUMENTARY AS AN ALTERNATIVE IN

MALAYSIA FILM PRODUCTION

ABSTRACT

The research exemplifies a genre in the contemporary Malaysian filmmaking which is mock-documentary. The research traces the development of mock-documentary films in Malaysia. Films being studied are films of the young filmmakers made in 2003 to 2015. Research will be conducted towards films which consist strongly with elements of mock-documentary. Selections of samples include films with either in long duration or as well in short duration which is normally called as series. The analyses will include the characteristics of mock-documentary; its styles, techniques, approaches, budgets, narratives and genres. The methodology for this research uses the method of qualitative style which include the content analysis and interview style. The interviews focus towards the filmmakers who direct the mock-documentary. Besides, strongly supporting opinion is given by the representative from FINAS, film critique and those who involve in fiction and nonfiction filmmaking. The concept of mock-documentary is explicated. The position of mock-documentary which assumed boundaries between fact and fiction is examined since the format used had similarities like a documentary but yet the content is fiction. The research argues the truthiness in mock-documentary in term of realism as it contains the elements of nonrealistic. As a result based on the research conducted, the researcher believes that this research will give an alternative towards Malaysian filmmakers and not just to produce commercial films for viewers. Films should be as resources of critical thinking and to educate viewers rather than only as

an entertainment. The mock-documentary hopefully will create other options as not to rely with the trend in filmmaking involving the technology of Computer Generated Images (CGI). Filmmakers should produce a quality narrative in their films by applying the mock-documentary style. Furthermore, the researcher believes that mock-documentary able to be as a reference and as well to enhance the creative skills towards Malaysian filmmakers.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Definisi ‘*mock-documentary*’

Konsep ‘*mock-documentary*’ mungkin kedengaran begitu asing bagi kebanyakan penonton dan pengamal perfilman di Malaysia. Hakikatnya konsep ini diguna pakai secara meluas di peringkat antarabangsa, ia tidak terhad kepada penerbitan filem tetapi merangkumi rancangan untuk siri televisyen seperti program realiti serta berita.

Berbeza dengan penerbitan arus perdana di Malaysia ia lebih menjurus kepada penerbitan fiksyen atau bukan fiksyen. Fiksyen ialah karya yang dihasilkan berdasarkan daya imiginasi sebaliknya bukan fiksyen pula merangkumi kisah benar yang lebih dikenali sebagai filem dokumentari. Kedua-dua konsep ini berkembang sealiran dengan perkembangan dunia penerbitan filem di Malaysia. Walaupun begitu konsep yang ketiga iaitu ‘*mock-documentary*’ dipinggirkan dalam industri penerbitan arus perdana. ‘*Mock-documentary*’ adalah konsep yang berada di antara fiksyen dan bukan fiksyen. Dengan kata lain ‘*mock-documentary*’ adalah teks fiksyen yang kelihatan dan kedengaran seperti dokumentari.

‘*Mock-documentary*’ boleh didefinisikan sebagai konsep yang mengaburkan fiksyen dengan dokumentari sebagaimana yang dinyatakan oleh Roscoe dan Hight yang dipetik daripada ulasan Hughes (2004) iaitu:

‘A mock-documentary is a fictional film or television text which mimics the visual and aural conventions of the documentary in

order to challenge the very foundations and privileged status of the documentary form.'

Terdapat pelbagai gelaran yang dilabelkan untuk '*mock-documentary*' ini diantaranya seperti yang dipetik daripada Roscoe dan Hight (2001, ms 1) iaitu; '*faux documentary*' (Francke, 1996), '*pseudo-documentary*', '*mocumentary*', '*cinema verite with a wink*' (Harrington, 1994), '*cinema un-verite*' (Ansens, 1997), '*black comedy presented as in-your-face documentary*', '*spoof documentary*' dan '*quasi-documentary*' (Neale and Krutnik, 1990). Bagi Roscoe dan Hight (2001, ms 1) melabelkan sebagai '*mock-documentary*' kerana dua sebab utama iaitu '*mock-documentary*' adalah berdasarkan penstrukturkan semula program daripada format asalnya kepada bentuk program yang kelihatan biasa ditonton dan tidak kelihatan aneh. Keduanya kerana perkataan '*mock*' itu sendiri bermaksud meniru yang mana agenda utamanya adalah tertumpu kepada genre dokumentari yang diolah kelihatan seperti dokumentari tetapi kandungannya adalah fiksyen. Bagi pengkritik filem terkenal Malaysia iaitu Abd Hassan Mutalib (2016) menyatakan:

'Perkataan '*mock*' juga membawa maksud, antara lain, membuat kritikan pedas secara bersenda. Seperti di dalam penulisan kreatif yang mengambil pendekatan ironi, parodi, satira, dan sebagainya, ia merupakan cara kreatif untuk menyampaikan sesuatu karya. Pada kebiasaannya ia diguna kerana subjek yang diutarakan kemungkinan terlalu sensitif untuk diperkatakan secara terus terang dan akan mengundang bahaya kepada karyawan itu serta kemungkinan karya itu akan diharamkan' (Lampiran U2).

Seperti yang kita sedia maklum apabila program atau filem dokumentari dihasilkan ianya hanya ditonton oleh sekelompok penonton sahaja. Jawapan yang sering diterima bagi mereka yang menolak untuk menonton ialah biasanya mengatakan isi kandungannya berat, dan cara penceritaannya membosankan terutama yang melibatkan topik-topik yang agak teknikal seperti sains dan teknologi.

Oleh itu pendekatan yang lebih segar digunakan untuk menarik minat penonton iaitu dengan menggunakan konsep '*mock-documentary*'. Perlu diperjelaskan di sini bahawa '*mock-documentary*' adalah berkait rapat dengan drama dan dokumentari. Oleh itu ianya bukan sahaja menggunakan kod dan kelaziman seperti dokumentari tetapi struktur yang dibincangkan berhubung kait dengan kebenaran walaupun ianya fiksyen. Seterusnya bentuk persembahan yang lebih menarik tidak seperti dokumentari yang biasanya bersifat konvensional.

Ini sebagaimana dinyatakan oleh Olson (Hoffner, 2008) yang menghasilkan filem '*mock-documentary*' yang berunsur komedi tentang pemanasan global dan telah mengkritik konsep dokumentari yang bagi beliau kebanyakannya tidak menarik iaitu:

‘The vast majority of documentaries fail to tell much of a story. They are overly constrained by the information and desire for accuracy. The result is that they sacrifice entertainment and storytelling.’

Disamping itu dengan perubahan iklim media dan teknologi digital telah menyumbang peluang kepada pengarah filem dokumentari kepada pasaran baru serta prospek penonton secara global untuk menghasilkan dokumentari yang lebih menarik. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Goldstein (1996, ms 9) iaitu, ‘With media convergence and digitalization have come the increased demand from those global broadcasters for documentary to be more entertaining.’

Konsep '*mock-documentary*' ini meliputi bentuk parodi, kritikan dan '*deconstruction*'. Ia begitu meluas dipraktikkan di dalam penerbitan filem atau televisyen di peringkat antarabangsa. Di antara contoh kejayaan filem yang

menggunakan konsep ‘*mock-documentary*’ ialah filem *Blair Witch Project* yang diterbitkan pada tahun 1999 oleh Daniel Myrick dan Edvaro Sanchez.

Kajian oleh Roscoe mendapati penggunaan konsep tersebut telah menarik penonton untuk mempercayai bahawa kejadian tersebut adalah berdasarkan kisah nyata yang telah didokumenkan. ‘The Blair Witch Project caused some confusion as to its ontological status with some audience members assuming that the film was a ‘real’ documentary’ (Roscoe, 2000).

Antara contoh penerbitan lain di peringkat antarabangsa yang menggunakan konsep ini adalah:

- i. ‘*Arrested Development*’ (2003) iaitu siri Televisyen Amerika mengenai hubungan kekeluargaan yang dilakukan menggunakan konsep dokumentari.
- ii. ‘*This is Spinal Tap*’ (1984) satu ‘*mock-documentary*’ mengenai sebuah kumpulan rock.

Contoh-contoh yang di atas hanyalah sebahagian penerbitan yang menggunakan konsep ‘*mock-dokumentary*’, dan hakikatnya ada beribu penerbitan di negara lain yang menggunakan konsep ini.

Di Malaysia secara tidak disedari konsep ‘*mock-documentary*’ sebenarnya digunakan untuk penerbitan yang dihasilkan walaupun secara tidak total. Sebagai contohnya iklan produk ubat gigi ‘*Sensodyne*’ yang disiarkan di televisyen tempatan berjaya mengaburi realiti. Watak yang ditampilkan melakonkan watak seorang pakar gigi yang seolah-olah ditemuramah oleh penemuramah. Pakar gigi ini mengulas

tentang kebaikan produk tersebut kepada kesihatan gigi dan ini diperkuuhkan lagi dengan nama watak tersebut iaitu Moisha Nair. Yang jelas nama yang dipamerkan di dalam iklan tersebut tanpa disertakan pangkat doktor sedangkan secara nyatanya seorang ‘pakar’ terutama yang melibatkan kesihatan akan menggunakan gelaran doktor diawal namanya. Jelas unsur ‘*mock*’ telah digunakan di sini. Contoh lain yang menggunakan stail yang sama dapat diperhatikan pada iklan mengenai tabung simpanan pelajaran iaitu PTPTN yang menggalakan penonton untuk menabung ke skim ini bagi masa depan anak-anak terutama sekiranya ingin melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan. Lagi sekali watak dilakonkan oleh seorang individu yang diberi nama serta tertera beliau adalah pegawai kerajaan tanpa dinyatakan kementerian beliau berkhidmat. Beliau turut menabung serta menceritakan pengalamannya mendapat bantuan tabung ini untuk melanjutkan pelajaran dahulu. Stail yang digunakan adalah sama seolah-olah ditemuramah oleh seseorang. Disamping itu lambakan program realiti televisyen di televisyen tempatan seperti ‘*Akademi Fantasia*’ berpotensi membuka ruang kepada kandungan fiksyen yang mana kandungan yang dipersembahan berkemungkinan berdasarkan skrip yang telah ditentukan oleh pihak penerbitan dan bukan secara spontan. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Roscoe dan Hight (2001, ms 39), ‘Docu-soap and reality TV are connected to mock-documentary because they too have developed in the spaces between fact and fiction.’

Begitu juga dengan teknik lakunan semula yang diguna pakai dalam segmen ‘*Terjah*’ di ‘*Melodi*’ yang diterbitkan oleh TV3 iaitu ada di antaranya dilakonkan semula kerana sebab-sebab tertentu. Keadaan ini juga membuka ruang kepada kandungan untuk berubah daripada fakta sebenar dan situasi ditokok tambah untuk

lebih sensasi. Ini sebagaimana dinyatakan oleh penerbit ‘*Melodi*’ Encik Nas Ahmad yang dipetik dari temubual di Mingguan Malaysia (Niezam, 2008, ms 4) iaitu:

‘Saya mengaku dalam 10 peratus segmen itu adalah dilakukan semula. Sebagai contoh masa berlaku kejadian sebenar saya tidak ada kamera nak rakam kerana ia berlaku secara spontan.’

Hakikatnya, jika situasi tersebut dilakukan semula penonton berhak mengetahui yang mana satu telah dilakon semula dengan melabel perkataan ‘lakonan semula’ seperti kebiasaan digunakan pakai dalam dokumentari agar penonton tidak dimanipulasikan.

‘*Mock-documentary*’ wajar diaplikasikan kerana konsep ini menarik dan mencabar kreativiti pengarah serta membuka minda penonton. Konsep ‘*mock-documentary*’ biasanya mengandungi elemen yang bukan dari dunia realiti tetapi ianya mampu untuk membawa penonton untuk mempersoalkan elemen-elemen tersebut yang biasanya tidak diperdulikan. Disamping itu isu-isu yang diketengahkan kelihatan berpijak di dunia nyata walaupun hakikatnya hanyalah fiksyen. Di Malaysia pula senario pembikinan filemnya kebanyakannya tidak menunjukkan realiti tetapi suka mencipta dunia baru yang dipaparkan kepada penonton. Ini sebagaimana dipetik daripada temubual dengan Hatta Azad Khan:

‘Saya melihat kebanyakannya filem kita tidak menyatakan kebenaran secara jelas. Jika filem bercerita masalah kehidupan, produser gemar mencipta dunia baru pada filem itu sendiri seperti kisah cinta remaja yang memaparkan konflik antara watak hingga watak berkhutbah tentang cinta’ (Elrafaei, 2008, ms R6).

Penonton pada masa sekarang boleh dikategorikan sebagai khalayak yang bijak. Mereka adalah penonton yang aktif dan mampu mentaksir dan menghakimi ketulenan kandungan sesebuah filem. Penonton secara umumnya ingin mengetahui

sejauh mana tahap kebenaran cerita yang ditonton. Berdasarkan *genre*, ia mampu membantu penonton untuk menilai kebenaran isi kandung filem.

Disamping naratif, penggunaan teknik-teknik tertentu di dalam filem turut membantu penonton untuk menilai filem tersebut adalah fiksyen atau bukan fiksyen. Naratif merangkumi penggunaan elemen yang biasa dipraktikkan dalam dokumentari seperti sesi temubual dengan pakar atau saksi serta diyakinkan dengan foto-foto arkib.

Teknik penggambaran juga menjurus kepada teknik yang mudah tetapi meyakinkan. Contohnya teknik yang digunakan dalam filem '*Blair Witch Project*' (1999), ia kelihatan didokumentasikan oleh seorang amatur. Kebanyakan visualnya seperti dirakamkan sendiri oleh pelakon (seperti koleksi peribadi) dan secara tidak langsung mewujudkan momen yang asli dalam minda penonton serta meningkatkan keyakinan bahawa mereka disajikan dengan keadaan yang benar-benar berlaku.

Memandangkan penonton hari ini yang semakin bijak dalam memilih filem yang ingin ditonton maka telah menjadi tanggungjawab pengarah filem untuk menggunakan pendekatan lain dalam filem-filem mereka. Ini bagi memastikan industri penerbitan di Malaysia lebih mampan dan berdaya saing.

1.2 Dokumentari di Malaysia

Dokumentari berasal daripada perkataan latin iaitu *docere* yang bermaksud untuk mengajar. Dokumentari ialah satu pembelajaran, teguran dan amaran (Oxford, 2000).

Bagi Madsen (1973, ms 317-318) menerusi bukunya '*The Impact of Film*', mendefinisikan dokumentari sebagai filem yang mempunyai sifat pemujukan secara ikhlas, isi kandungan yang objektif dan teknik sinematik yang bersifat kandid. Namun begitu, ia berupaya mendapat sokongan penonton. Grierson (1926) pula mendefinisikan sebagai olahan kebenaran secara kreatif. Perkataan dokumentari pula telah dicipta oleh J. Flaherty Moana (1926). Bagi penyelidik, dokumentari merupakan format yang berperanan sebagai sumber maklumat kepada penonton dan dalam masa yang sama memberi sumber hiburan. Jika tidak, masakan ada saluran televisyen seperti *National Geographic* dan *Discovery Channel* yang boleh bersiaran 24 jam setiap hari dengan hanya menyiarkan filem-filem dokumentari.

Di Malaysia, sejarah dokumentari bermula pada awal abad ke-20 apabila rakaman bergerak (*motion picture*) digunakan sebagai media propaganda oleh pihak penjajah ketika itu. Penubuhan Malaysian Film Unit (MFU) pada tahun 1946 oleh pihak kerajaan menjadi titik penting dalam sejarah dokumentari di Malaysia.

'Pada peringkat awal kewujudannya, pembabitan ditumpukan kepada usaha-usaha menggalakkan persefahaman antara kaum, perang saraf menentang aktiviti pengganas komunis, pembangunan politik dan persediaan ke arah berkerajaan sendiri' (Abdul Latif, 1991, ms 9).

Ia berfungsi sebagai sebuah badan bukan kerajaan untuk membantu memerangi pengganas komunis, MFU telah menerbitkan beberapa buah filem dokumentari anti komunis seperti *Emergency* (1948) dan *The Kinta Story* (1949).

Filem dokumentari yang menggambarkan penduduk serta negara ini turut diterbitkan oleh pihak luar seperti *Normads of the Jungle* (1948) oleh Victor Jurgens. Filem ini antara yang menjadi rujukan mengenai Malaysia di luar negara. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Dr Naim Ahmad iaitu:

‘Inilah rujukan orang luar terhadap Malaysia. Tentu sekali rujukan itu tidak tepat kerana jurang masa yang terlalu jauh. Tetapi itulah realitinya apabila kita tidak berusaha untuk menerbitkan filem dokumentari sendiri’ (Ku Seman, 2016).

Filem Negara Malaysia (FNM) pula telah membuktikan keupayaan di dalam penerbitan pelbagai bentuk filem, treler, selingan animasi dan cereka pendek berbentuk rencana. Dokumentari seperti dinyatakan oleh Gaik Lan:

‘FNM turut menerbitkan filem-filem sedemikian seperti siri *‘Kisah Kampung Kita’* dalam 5 siri yang bertajuk *Sesal Kemudian Kerugian, Dewasa Membawa Bahagia, Semangat Padi Baru, Jiwa Merdeka* dan *Keazaman Punca Kemakmuran* (Gaik Lan, 1987, ms 15).

Melalui unit filem bergerak, Jabatan Penerangan, filem-filem terbitan FNM ditayangkan kepada masyarakat di seluruh tanah air dan di pawagam tempatan. Apabila televisyen diperkenalkan pada tahun 1963, FNM masih membekalkan filem-filem dokumentari untuk Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Perkembangan filem dokumentari tempatan kemudiannya diteruskan penerbitannya oleh stesen-stesen televisyen iaitu RTM dan TV3. Penerbitan dokumentari di antaranya ialah dokumentari berunsurkan Islam seperti *Jejak Rasul* (TV3) telah mendapat perhatian sehingga ke peringkat antarabangsa. Sungguhpun begitu, masih belum ada syarikat swasta tempatan yang menerbitkan filem dokumentari secara khusus.

Hakikatnya, filem dokumentari merupakan satu bentuk pengajaran dan pengetahuan. Ia boleh membentuk masyarakat berfikir serta terlibat secara tidak langsung dalam aktiviti yang berkaitan dengan politik, sosial dan ekonomi. Bagi penyelidik, sikap penonton yang merasakan genre dokumentari sebagai

membosankan serta terlalu berat isi kandungan hendaklah dijadikan satu momemtum cabaran yang perlu diubah oleh pengkarya filem dokumentari itu sendiri. Ini memandangkan filem merupakan satu bentuk seni komunikasi yang berkuasa.

Andai kata filem dokumentari dianggap terlalu serius untuk diterima oleh penonton, seharusnya pengkarya tempatan disarankan menggunakan teknik alternatif di dalam penerbitan dokumentari. Salah satu caranya ialah dengan menggunakan teknik '*mock-documentary*'. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Megat Al-Imran iaitu, '*Mock-documentary*' sememangnya berlaku di dalam genre dokumentari itu sendiri tetapi dalam situasi yang terkawal' (Lampiran Q2). Ini memandangkan bagi sesetengah situasi keperluan subjek di hadapan kamera terpaksa diubah demi mendapat sudut penggambaran yang lebih baik. Ini disarankan oleh Megat Al-Imran:

‘Dimana ada pengarah menyatakan cara terbaik menggunakan cinema verite dan tidak boleh berubah keperluan subjek di depan kamera. Tetapi bagi sesetengah situasi keadaan ini tidak boleh digunakan dan teknik ‘*mock-documentary*’ perlu digunakan kerana dengan hanya menggunakan satu kamera kemungkinan mendapat sudut visual yang berbeza dalam satu masa adalah satu perkara yang mustahil boleh dilaksanakan’ (Lampiran Q2).

1.3 Penyataan masalah

Sebagaimana yang kita sedia maklum, dokumentari ialah hasil kerja yang menjurus kepada kandungan sebenar sesuatu peristiwa, individu dan lokasi, ia dipersetujui oleh penonton akan kesahihannya. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Freeman (1997), ‘The power of the documentary comes from an agreement between filmmaker and audience regarding the authenticity of the event portrayed.’

Persoalannya bagaimana penilaian kebenaran ke atas imej yang dipaparkan itu adalah sebenarnya tulen? Ini boleh dipersoalkan apabila filem ‘*Nanook of the North*’ (1922) iaitu filem yang diangkat martabatnya sebagai filem dokumentari terawal yang dihasilkan oleh Robert Flaherty juga mengandungi unsur-unsur yang tidak menggambarkan keadaan realistik atau spontan sebagaimana dinyatakan oleh Freeman(1997),‘For example audiences in 1992 saw the moments when Nanook clowns or looks directly at the camera, as distracting.’ Oleh itu tidak mustahil sekiranya konsep ‘*mock-documentary*’ itu sendiri sebenarnya wujud dan diguna pakai dalam penerbitan dokumentari serta filem di Malaysia.

Seperti dinyatakan di bahagian pendahuluan iaitu berkemungkinan penerbitan di Malaysia menggunakan konsep ‘*mock-documentary*’ ini tidak secara total atau di luar kesedaran. Oleh itu menjadi tanggungjawab penyelidik untuk membuat kajian sama ada wujudnya konsep ini ke atas penerbitan filem-filem di Malaysia bagi jangka 13 tahun kebelakangan ini (2003 hingga 2015). Ini memandangkan konsep ‘*mock-documentary*’ telah digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa maka tidak mustahil konsep ini wujud di Malaysia. Konsep ini mungkin tidak didominasi oleh penerbitan arus perdana. Seperti yang sedia maklum secara asasnya filem arus perdana merupakan istilah yang dirujuk kepada penerbitan filem yang berskala besar. Filem yang dihasilkan bertujuan untuk menghiburkan penonton serta bermotifkan keuntungan dan biasanya berdurasi panjang (90-100 minit). Sebaliknya filem ‘*mock-documentary*’ boleh dikategorikan sebagai filem kebiasaan dihasilkan oleh kelompok *indie* atau alternatif. Filem alternatif yang dihasilkan lebih bersifat mengekspresikan seni serta tidak bertunjangkan aspek komersil. Adakalanya filem yang dihasilkan dianggap sebagai satu wadah untuk menyampaikan unsur pesanan dan bersifat

eksperimental. Tema yang diangkat juga sederhana serta luput dari perhatian masyarakat.

Jika diukur dari segi kos pula konsep ‘*mock-documentary*’ boleh dikategorikan sebagai sederhana. Ini terbukti dengan bajet rendah yang dikeluarkan bagi penerbitan filem ‘*Blair Witch Project*’ (1999) iaitu jumlah dilaburkan untuk menghasilkan filem tersebut lebih rendah berbanding dengan pulangan yang diperolehi. ‘Made for USD35,000 and expected to gross over USD150 million in the U.S’ (Roscoe, 2000). Ini berbeza dengan keadaan yang melanda di Malaysia yang mana ada di antara filem yang terpaksa dilaburkan sejumlah wang yang banyak oleh penerbit bagi menghasilkan filem tetapi pulangan yang diperolehi rendah seperti filem ‘*Puteri Gunung Ledang*’ (2004) iaitu sejumlah RM 20 juta dikeluarkan merangkumi kos pembikinan sebanyak RM 16 juta dan kos promosi pula sebanyak RM 4.5 juta dikeluarkan tetapi pulangan yang diperolehi hanya berjumlah RM 2.9 juta (www.filemkita.com). Berdasarkan contoh *Blair Witch Project* (1999) yang memperolehi keuntungan yang berlipat kali ganda, maka tidak ada salahnya konsep ‘*mock-documentary*’ dipaktikkan. Seterusnya, sekiranya konsep ‘*mock-documentary*’ ini menjurus kepada stail penerbitan kos penerbitan yang rendah maka mengapa penerbit di Malaysia tidak menggunakan pendekatan ini dalam penerbitan mereka?

Penggunaan teknik penggambaran yang tertentu juga menjadi daya tarikan buat penonton untuk berasa yakin bahawa paparan visual kelihatan realiti. Bagi penyelidik, faktor ini memang tidak boleh dinafikan. Oleh itu dengan perkembangan teknologi profileman yang semakin canggih maka penggunaan teknik imej penjanaan komputer (*computer generated images*: CGI) bukanlah sesuatu perkara yang

menghairankan digunakan secara meluas bagi meyakinkan penonton. Pada masa yang sama teknik imej penjanaan komputer ini memerlukan belanja yang tinggi untuk memaparkan situasi untuk kelihatan nyata. Contohnya filem terbitan produksi KRU iaitu '*Merong Mahawangsa*' (2011) menelan belanja sebanyak RM8 juta untuk memaparkan suasana abad ke-12 kerajaan Langkasuka. Ini sebagaimana dipetik daripada kenyataan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KRU Studio, Norman Abdul Halim:

‘Filem ini menelan belanja RM8 juta, iaitu yang kedua termahal selepas *Puteri Gunung Ledang*. Malah kos keseluruhan set dan props ini saja menelan belanja hampir RM2 juta’ (Mohd Nasif, 2009, ms B16).

Contoh yang lain ialah seperti filem '*Kapoww!! Atoi The Ajaib Boy*' (2010) oleh Azizi ‘Chunk’ Adnan yang mencecah kos perbelanjaan hingga RM1.8 juta. Ini ditambah lagi kenyataan beliau, ‘Saya berfokus lebih pada set pakaianya, mekap, kesan khas (CGI), animasi dan aksi lagak ngeri’ (Murshid, 2010, ms B26). Berdasarkan dua contoh ini, adakah alternatif lain yang boleh digunakan untuk memaparkan situasi nyata tetapi menjimatkan belanja seperti menggunakan ciri-ciri ‘*mock-documentary*’? Antara jawapannya ialah teknik ‘*verite*’ iaitu teknik penggambaran filem bagi menggambarkan ianya realiti dan benar (yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bahagian pertengahan bab ini) dan lain-lain stail yang berpaksi kepada ciri ‘*mock-documentary*’ mampu memaparkan suasana realiti walaupun ia adalah karya filem fiksyen. Ini turut disokong dengan kekekangan modal yang begitu terhad sekiranya ingin menerbitkan filem sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh U-Wei seorang pengarah prolifik Malaysia terhadap filem '*Hanyut*' iaitu, ‘Sumber kewangan adalah punca filem ini tertangguh sebelum ini’ (Amirah Amaly, 2009, ms 23).

Tidak disangkal bahawa kebarangkalian penggunaan teknik imej penjanaan komputer mungkin relevan tetapi idea asal penggunannya adalah lebih menjurus kepada meyakinkan penonton bahawa apa yang dipaparkan adalah realistik walaupun sebenarnya fiksyen. Ini dapat dilihat dalam filem dokumentari fiksyen bertajuk '*The Last Dragon*' (2004) yang dihasilkan oleh Broadcast British Cannel (BBC) mengenai motif naga yang pernah disiarkan di *Animal Planet*. Filem dokumentari fiksyen keluaran BBC yang dikategori sebagai dokumentari fiksyen telah menggunakan fakta kajian saintis bernama Dr Tanner serta penemuan spesis makhluk yang beku di Benua Eropah iaitu di Pergunungan Carpathian lalu telah diolah penceritaannya mengenai kehidupan naga. Berdasarkan penemuan tersebut dengan bantuan teknik imej penjanaan komputer penceritaan telah diolah sehingga para penonton mempercayai naga sebenarnya wujud pada masa dahulu. Ini sebagaimana petikan daripada Wikipedia.org iaitu, ‘the natural history of the most extraordinary creature that never existed.’

Berbanding dengan filem di Malaysia disebabkan olehkekangan modal berkemungkinan hasil sentuhan teknik imej penjanaan komputer yang dipaparkan kelihatan kasar dan palsu seperti filem '*Cicakman*' (2006) oleh produksi KRU. Bagi konsep ‘*mock-documentary*’, ia lebih menjurus kepada stail dokumentari yang menggunakan suara latar yang berautoriti, ‘*footage*’ yang nyata, penggunaan teknik ‘*verite*’, foto-foto arkib, temubual dengan pakar serta saksi dan sebagainya. Teknik ‘*verite*’ yang dimaksudkan tadi adalah meliputi penggunaan teknik penggambaran yang kelihatan spontan tanpa efek yang artistik dan tidak kelihatan palsu seperti diada-adakan. Ia meliputi visual yang tidak stabil, pencahayaan yang tidak seimbang serta kualiti suara yang dirakam kedengaran seperti secara langsung. Teknik-teknik

yang sederhana dan tidak begitu kompleks ini jika digunakan dengan baik mampu menjadi alternatif untuk menstruktur filem yang asalnya adalah sebuah fiksyen.

Stail penceritaan melalui teknik temuramah seperti dokumentari juga diguna pakai. Penggunaan cara ini membuka ruang kepada pelakon untuk tidak terlalu terikat dengan skrip yang disediakan. Malahan berkemungkinan watak boleh berkembang lebih daripada yang diperlukan dari skrip asal. Seterusnya mampu untuk mempercantikkan jalan cerita agar kelihatan seperti realiti, biasanya ditampilkan pelakon yang tidak dikenali atau pun pendatang baru dalam dunia lakonan. Faktor ini menambahkan kreadibiliti bahawa yang dipaparkan adalah benar.

'Mock-documentary' juga biasanya tidak mempertaruhkan set atau '*prop*' yang kompleks atau sinematografi yang dipercantikkan atau diubahsuai. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Willmott yang dipetik daripada artikel yang ditulis oleh Butler (2003), 'If the footage looks grainy and jumpy, that only adds authenticity.'

Berdasarkan hujah-hujah yang dinyatakan di atas adalah perlu bagi penyelidik untuk menilai ciri-ciri serta bentuk '*mock-documentary*' yang ada di Malaysia sebagai sumber alternatif untuk penerbitan selain daripada berpaksikan kepada teknik imej penjanaan komputer yang kian menjadi trend di Malaysia. Ini sebagaimana dinyatakan oleh ruang pojok sitijarum@utusan.com.my (2010, ms 3) iaitu:

‘Filem terbaik bukanlah berteknologi tinggi tapi teknologi tinggi boleh membantu filem menjadi terbaik. Maknanya teknologi bukanlah aspek utama kerana yang utama terletak kepada pembuatnya.’

Di Malaysia majoriti filem yang dihasilkan mempunyai mesej tersurat, seperti filem '*4 Madu*' (2010) dan '*Anak Mami The Movie*' (2002) yang diarahkan oleh A. Razak Mohaideen. Agak terpinggir dan jarang sekali filem yang dihasilkan mempunyai mesej yang tersirat atau mengandungi ideologi yang tertentu. Walau bagaimanapun filem-filem P.Ramlee banyak mengandungi mesej yang tersirat misalnya unsur satira digunakan dalam filem '*Ali Baba Bujang Lapok*' (1961) yang diinspirasikan daripada Hikayat Parsi Seribu Satu Malam iaitu '*Ali Baba dan 40 Penyamun*' (Rohani Hashim, 2007, ms 263-283). Filem mahupun drama yang dihasilkan sekarang juga kebanyakannya hanya menyapu lapisan luar dan perwatakan pula sangat artifisial. Berbalik kepada '*mock-documentary*' yang dikatakan kaya dengan unsur tersirat serta ditonjolkan perwatakan yang kelihatan realiti berkemungkinan menarik penonton menghayati keindahan filem tersebut. Ini sebagaimana komen yang dinyatakan oleh pengarah Mamat Khalid: 'Sebaliknya selongkar mesej itu dengan teliti kerana makna yang tersirat jauh lebih indah daripada apa yang diterjemahkan' (Murshid, 2010, B4).

Untuk melengkap kajian ini adalah perlu bagi penyelidik untuk mengupas naratif '*mock-documentary*' yang dikatakan kaya dengan unsur tersirat dan berpaksikan ideologi tertentu yang kelihatan sungguh nyata tetapi hakikatnya adalah fiksyen semata-mata. Seterusnya membuka ruang bagi karya filem Malaysia diangkat tarafnya sebagai kreatif sebagaimana komen yang dinyatakan oleh Siti Jarum (2009, ms 6), 'Peranan karya kreatif seperti drama atau filem adalah membuat tafsiran kepada nyata.'

Berdasarkan hujah-hujah di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat dua permasalah yang ingin dikupas oleh penyelidik bagi melengkapkan kajian. Permasalahan yang pertama iaitu penyelidik ingin membuat kajian sama ada wujudnya konsep '*mock-documentary*' ini ke atas penerbitan filem-filem di Malaysia bagi jangka 13 tahun kebelakangan ini (2003 hingga 2015). Konsep '*mock-documentary*' telah digunakan pakai secara meluas di peringkat antarabangsa. Konsep ini mungkin turut diaplikasi di dalam penerbitan filem Malaysia. Filem arus perdana di Malaysia mungkin tidak menggunakan konsep ini secara keseluruhan tetapi filem alternatif mempunyai potensi untuk menggunakan konsep ini di dalam penghasilan karya mereka. Pada masa yang sama penyelidik akan berusaha untuk mengupas naratif '*mock-documentary*' yang dikatakan kaya dengan unsur tersirat dan berpaksikan ideologi tertentu kelihatan sungguh realiti tetapi hakikatnya adalah fiksyen semata-mata. Seterusnya membuka ruang bagi karya filem Malaysia diangkat tarafnya sebagai karya kreatif.

Permasalahan yang kedua pula ialah penyelidik ingin menilai ciri-ciri serta bentuk '*mock-documentary*' yang ada di Malaysia sebagai sumber alternatif untuk penerbitan selain daripada berpaksikan kepada teknik imej penjanaan komputer yang kian menjadi trend di Malaysia. Ini memandangkan teknik penjanaan komputer memerlukan pelaburan kewangan yang tinggi untuk memanipulasikan penonton. Penonton akan berasa kagum dengan teknik imej penjanaan komputer dihasilkan tetapi berkemungkinan gagal dari segi kekuatan naratifnya. '*Mock-documentary*' pula menggunakan teknik penggambaran yang tidak kompleks tetapi lebih menekankan kepada kekuatan naratif. Kaedah ini mampu menyakinkan penonton menghayati jalan cerita yang dipersembahkan oleh pengarah filem tersebut.

1.4 Objektif kajian

Bagi penyelidik, objektif kajian yang pertama ialah untuk mengenal pasti filem-filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia dan sejauhmana filem-filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia boleh menimbulkan paparan realiti. Ini memandangkan sekiranya menggunakan persekitaran yang tulen untuk menggambarkan situasi serta watak-watak yang berlakon dikalangan orang biasa tanpa menggunakan pelakon profesional berkemungkinan menaikkan darjah kebolehpercayaan penonton. Seterusnya penonton filem tersebut akan lebih yakin bahawa itu merupakan satu situasi realiti.

Objektif kajian yang kedua iaitu untuk mengkaji ciri-ciri atau bentuk filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia. Ini bagi membolehkan penyelidik mengetahui ciri-ciri serta bentuk filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia. Disamping ianya akan menjadi sebagai penanda aras untuk penerbit filem di Malaysia untuk digunakan di dalam pengkaryaan mereka. Penyelidik juga berharap ianya dapat untuk mengekang penerbit daripada terlalu bergantung kepada sistem penjanaan komputer dalam penghasilan filem.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. **Sejauhmanakah filem-filem ‘*mock-documentary*’ dihasilkan di Malaysia dan adakah ianya dapat menimbulkan paparan realiti?**

Penyelidik akan mengenal pasti kategori filem ‘*mock-documentary*’ yang wujud di Malaysia .Ini memandangkan ‘*mock-documentary*’ boleh dikategorikan secara umum kepada 3 kategori iaitu parodi, kritikan dan ‘*deconstruction*’. Oleh itu penyelidik perlu menilai ‘*mock-documentary*’ yang dihasilkan di Malaysia lebih cenderung kepada kategori yang bagaimana. Adakah ia seiring dengan pengkarya barat yang lebih cenderung kepada kategori parodi dan kritikan atau sebaliknya?. Disamping itu juga, penyelidik akan menilai secara terperinci naratif filem yang terpilih yang mana diyakini ia adalah filem ‘*mock-documentary*’. Ini perlu untuk menilai sama ada filem yang dihasilkan itu menggunakan konsep tertentu mahupun unsur-unsur yang menyumbangkan kepada kesan visual yang kelihatan seperti satu paparan yang realiti. Seterusnya membantu filem yang dihasilkan itu menimbulkan keyakinan kepada penonton dan merupakan satu paparan kisah realiti yang hakikatnya adalah fiksyen.

ii. Apakah ciri-ciri dan bentuk filem-filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia?

Penyelidik juga akan mengkaji ciri-ciri dan bentuk filem-filem ‘*mock-documentary*’ di Malaysia. Diharap juga ianya mampu memberi sumbangan kepada industri perfilman negara agar tidak hanya terikat kepada sistem penjanaan komputer bagi menghasilkan filem tetapi menggunakan teknik-teknik yang diaplikasikan melalui ‘*mock-documentary*’. Seterusnya filem yang dihasilkan lebih mencabar kreativiti pengarah untuk menghasilkan filem yang bermutu tinggi. Kreativiti harus dipelbagaikan untuk mewarnai industri perfilman tempatan. Karya kreatif memerlukan skop penyelidikan yang memdalam. Filem tersebut perlu

nampak bijak dan mampu menjana informasi kepada penonton dan bukan sahaja sebagai filem yang melalaikan dan mengkhayalkan penonton sahaja. Disamping itu, penonton juga akan mendapat manfaat. Penonton akan menjadi penonton yang berfikir dan tidak bersikap pasif. Ini memandangkan filem arus perdana terutamanya lebih banyak mengkhayalkan penonton dengan kisah-kisah fiksyen yang tiada penamatnya. Sepatutnya filem juga perlu berfungsi sebagai sumber informasi yang membantu meningkatkan daya pemikiran kritis dalam kalangan penonton.

1.6 Teori dan konsep

Terdapat beberapa teori serta konsep tertentu yang boleh diguna pakai atau dikaitkan dengan '*mock-documentary*'.

1.6.1 Teori realisme

Teori realisme yang dipelopori oleh Andre Bazin dari Perancis sangat menitikberatkan unsur nyata yang cuba diterjemahkan di dalam syot. Bagi Bazin penggunaan pelakon yang amatur adalah lebih sesuai kerana ia menggambarkan realiti berbanding penggunaan pelakon profesional. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Bazin:

‘The nonprofessionals are naturally chosen for their part, either because they fit it physically or because there is parallel between the role and their life’(Bazin, 1971, ms 24).

Ini sejajar dengan corak persembahan '*mock-documentary*' yang biasanya menggunakan orang biasa dan bukan pelakon terkenal. Ini membolehkan meningkatnya kebolehpercayaan penonton terhadap naratif yang disampaikan itu benar atau realiti yang mana hakikatnya adalah palsu.